

sahaja seni bunyi itu tidak bertentangan dengan kehendak dan tujuan agama dan ia tidak menyerupai bunyi peribadatan agama lain. Rasulullah sendiri pernah memuji seorang sahabat yang sangat merdu suaranya dalam membaca al-Qur'an sehingga Rasulullah mengatakan sebagaimana beliau mendengar Nabi Dawud membaca Zaburnya.

Begitulah kegemaran beliau yang maknanya beliau tidak menegah atas seni bunyi tetapi bagaimanakah keadaannya kalau kita memerhatikan bunyi nobat yang dibunyikan di dalam istiadat-istiadat raja-raja Melayu kalau kita banding iramanya dengan bunyi peribadatan orang-orang Hindu? Kita berkeyakinan bahawa perkara ini akan menimbulkan tegahan jika perkara menyerupai itu boleh membawa kepada syirik. Kerana itu kewajipan ulama mengadakan penyelidikan dalam perkara ini.

Di sebalik itu, di dalam seni suara itu ada pula timbul syair-syair yang syirik disiarkan menerusi radio Malaya dan wayang gambar yang tidak disedari menanamkan semangat yang membawa kepada perkara-perkara mencapik Tuhan seperti perkataan "Oh Tuhan mengapa Engku Oh Maha Dewata, Maha Brahta" iaitu perkataan-perkataan menempelak Tuhan, perkataan-perkataan memuja dewa-dewa yang menurut agama, sepanjang yang kita ketahui sama ada diketahui atau tidak diketahui, sama ada disengajakan atau tidak di sengaja bahawa yang demikian itu mendatangkan syirik.

Selain banyak pula perbuatan-perbuatan yang termasuk di dalamnya mustahak diselidiki adakah ia syirik atau tidak iaitu seperti di dalam adat menjunjung duli dan adat menghadap kepada raja dengan menyusun jari-jari tunduk dan seumpamanya iaitu adakah ia mengenai kepada rukuk atau sujud padahal rukuk dan sujud itu menurut Islam hanya tertentu kepada Tuhan semata?

Banyak lagi perkara-perkara yang seperti ini, yang wajib bagi mufti-mufti di Persekutuan Tanah Melayu menyiasat, menghalusi dan memberi fatwa di atas supaya kalau ia tersalah, janganlah hendaknya kesalahan itu berkepanjangan dan terus menerus berlaku. Janganlah hendaknya ulama-ulama kita membuat kaedah, kena di mata dipicingkan, kena di perut dikempiskan tetapi katakanlah yang hak supaya lepas tafsir terhadap kepada hal yang boleh mendatangkan syak itu.

Kita yakin Ke bawah Duli Raja-Raja Melayu jika mendapati perkara-perkara itu sebenarnya syirik jika dengan sifat baginda-baginda itu raja-raja yang beragama Islam, kita yakin beliau tidak mau melanggar perkara-perkara yang mengenai agamanya sendiri.

Pelajaran Agama di Sekolah-Sekolah Melayu di Singapura

Kementerian Pelajaran Singapura telah mengumumkan bahawa untuk menyelenggarakan pelajaran agama di sekolah-sekolah Singapura pada tahun hadapan meminta penerbit-penerbit menghantarkan contoh-contoh buku agama kepadanya, yang kemudian buku-buku itu akan disemak dan akan digunakan di sekolah-sekolah umum kerana mengajar pelajaran-pelajaran agama seperti yang dirancangkan.

Dengan pengisytiharan itu maka zahirlah suatu perkara yang boleh menerbitkan suatu kenyataan kepada umum bahawa ajaran pelajaran agama di sekolah-sekolah Melayu itu tidak mempunyai kesiapan-kesiapan yang tertentu atau tidak mempunyai suatu rangka yang disusun dengan baik supaya pelajaran yang diajarkan di situ memberi kesan dan memberi faedah kepada yang berkenaan.

Sepanjang yang kita ketahui, Kementerian Pelajaran Singapura telah melantik sebuah Jawatankuasa Penasihat kepadanya di dalam perkara menyusun pelajaran agama di sekolah-sekolah

itu tetapi daripada yang ada, sepanjang yang kita ketahui, bahawa tampaknya jawatankuasa itu juga yang dikehendaki membuat rancangan atau membuat dasar pelajaran agama itu.

Jika benar apa yang disebutkan itu maka zahirlah kepada kita bahawa langkah yang demikian itu adalah suatu langkah yang salah dan sulit dijalankan. Kita katakan begitu kerana tidak sepatutnya Jawatankuasa Penasihat itu yang merangka dasar pelajarannya tetapi sepatutnya Kementerian Pelajaran sendiri yang menyusun rangka-rangka itu dengan melantik ahli-ahli di dalam hal ini untuk membuat rangka pelajaran itu supaya dikemukakan kepada Jawatankuasa Penasihat yang bakal melihat dan memerhatikan apakah rangka itu molek begitu atau dipinda di dalam beberapa hal yang lebih baik.

Sudah pada tempatnya, Kementerian Pelajaran menghimpunkan guru-guru agama yang telah berpengalaman mengajar agama, guru-guru di sekolah Inggeris dan Melayu yang berpengalaman yang cenderung kepada agama serta daripada pihak-pihak penerbitan yang mengerti selok belok pelajaran umum dibentuk dijadikan jawatankuasa perangka dengan diberi suatu tugas yang tertentu tentang menyelenggarakan dasar-dasar pelajaran itu. Jawatankuasa ini kelak akan membuat acara-acara pelajaran itu serta akan membuat susunan buku-buku yang dikehendaki dengan peringkatnya sekali yang sesuai dengan acara pelajaran itu.

Kemudian baharulah diadakan kursus kepada guru-guru yang akan mengajar pelajaran agama itu supaya dapat kelak disamakan pelajaran-pelajaran itu di mana-mana pun. Inilah perkara-perkara yang sebaik-baiknya yang mustahak dibuat oleh Kementerian Pelajaran Singapura supaya jangan pelajaran-pelajaran

agama yang diajarkan di sekolah-sekolah umum itu seperti keadaan sekarang, di dalam meraba-raba sehingga guru-guru yang mengajar itu tidak sedikit pun mendapat atau menerima panduan.

Hal ini, jika dibiarkan sangat bahaya, kerana kebanyakan guru-guru yang bakal mengajar agama di sekolah-sekolah itu adalah daripada mereka-mereka yang tidak mendapat ilmu normal, ilmu mengajar. Jika sekiranya cara mengajar tidak tersusun sudah barang tentu yang menjadi korban ialah kanak-kanak sendiri, terutamanya kanak-kanak di dalam darjah satu, dua dan tiga, kerana kanak-kanak yang menerima pelajaran agama di situ memikul bebanan pelajaran yang lain.

Mengenai permintaan-permintaan buku-buku agama supaya dihantarkan itu, ini adalah suatu perkara yang kurang bijak dijalankan kerana untuk mengisi pelajaran agama di sekolah-sekolah itu, dengan cara ambil dan tangkap muat sahaja tentu berbahaya. Sesebuah penerbitan yang mengerti tentu tidak dapat membuat kitab-kitab yang sesuai untuk diajarkan di sekolah-sekolah itu sebelum Kementerian Pelajaran membuat suatu "sukatan pelajaran" sebagai panduan kepada cara mana buku itu dibuat bagi sekolah-sekolah itu. Sesudah diadakan sukatan pelajaran itu baharulah buku-buku itu dapat dibuat dan dapat pula dibuat sebuah buku caranya mengajar kelak, menurut peringkatannya.

Kita berpendapat, kalau Kementerian Pelajaran tidak melantik jawatankuasa penaja yang merangka pelajaran itu sebagai dasarnya maka kita yakin, pelajaran agama yang diajar di sekolah-sekolah itu sama dengan sebuah rumah yang tidak dibuat tapaknya yang kuat yang apabila didirikan kelak belum sempat terdiri akan binasa, rumahnya binasa dan penghuninya juga binasa.